



Anwar dan Hsien Loong pada sidang media bersama sempena Sesi Pemukiman Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-10, di Singapura, semalam.

(FOTO BERNAMA)

Malaysia, Singapura sepakat isu salur bantuan ke Palestin

Anwar terus gesa gencatan senjata di Gaza, desak Zionis henti serang orang awam

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Singapura: Malaysia dan Singapura berpendirian sama dan sepakat mengenai pentingnya menyediakan bantuan kemanusiaan ke wilayah bergolak di Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia mengambil pendirian tegas dalam isu Palestin, paling utama adalah keamanan di wilayah bergolak dengan pembunuhan orang awam, terutama kanak-kanak dan wanita perlu dihentikan segera.

Menjelaskan demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong sempena Sesi Pemukiman Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-10, di sini semalam, beliau menambah, seluruh isu di Palestin sudah lama, bukannya sejak 'dua minggu lalu'.

Ditanya pendekatan berbeza setiap negara sejak perang Palestin-Israel tercetus 7 Oktober lalu dan sama ada akan ada kesan

ke atas hubungan dua hala Malaysia-Singapura kerana reaksi dan sentimen kedua-dua negara berhubung situasi di Asia Barat, Anwar berkata: "Saya fikir apa yang penting adalah pendirian yang sama".

Terus menggesa gencatan senjata dikuatkuasakan di Gaza dan mendesak rejim Zionis menghentikan serangan ke atas orang awam, Perdana Menteri menegaskan, satu negara tidak boleh terus menjajah bahagian lain di bumi Palestin dalam apa disebut sebagai 'politik perampasan'.

"Apa yang penting sekarang sudah tentu keamanan dan menghentikan pembunuhan orang awam dan bayi. Sudah pasti sentimen di Malaysia sangat kuat.

"Saya sudah bertemu beberapa pemimpin Islam dan negara Arab utama bagi menyatakan pendirian Malaysia supaya penyelesaian secara aman dapat dicapai, selain bantuan kemanusiaan dapat disalurkan segera kepada rakyat Palestin yang terjejas," katanya.

Anwar tiba di Singapura malam kelmarin untuk lawatan kerja dua hari sempena sesi berkenaan dan pertemuannya dengan Hsien Loong adalah yang pertama dalam kerangka pemukiman.

Sesi pemukiman terbabit adalah mekanisme dua hala peringkat tertinggi antara kedua-dua negara yang dihoskan secara bergilir-gilir bermula 2007, namun tertangguh sejak 2019 kerana pandemik COVID-19.

Januari lalu, beliau melakukan lawatan rasmi sulung ke re-

publik ini selaku Perdana Menteri, disusuli penyertaan dalam dua sesi khas Sidang Kemuncak Asia Ke-10 Institut Milken pada September.

Sementara itu, Hsien Loong berpandangan, konflik Israel-Palestin tidak akan memberi kesan ke atas hubungan dua hala Singapura-Malaysia dan republik itu sudah membuat kenyataan berulang kali mengenai konflik berkenaan serta mengutuk apa yang berlaku di Asia Barat.

"Keganasan, tragedi kemanusiaan yang menyaksikan pembunuhan terhadap orang awam dan mangsa tidak bersalah serta harapan kedua-dua pihak terbabit dapat mencapai kemajuan dalam rundingan penyelesaian dua negara. Saya percaya rakyat Singapura faham pendirian kami," katanya.

Beliau berkata, situasi Malaysia tidak seperti Singapura berdasarkan kedudukan diplomatik berbeza, namun tiada sebab boleh menimbulkan kesulitan antara kedua-dua negara.

Pada 27 Oktober lalu, anggota Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) mengundi memihak kepada resolusi gencatan senjata mengena konflik Gaza bagi melindungi orang ramai dan mematuhi undang-undang kemanusiaan.

Malaysia dan Singapura antara 120 negara yang mengundi memihak kepada gencatan senjata bersama Thailand, Brunei dan Indonesia dari rantau ini.